KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	27/11/2021 (SABTU)	MUKA SURAT	:	22
JABATAN	:	JABATAN PERHUTANAN KELANTAN			

HM 27.11.2021_22

1,000 hektar hutan simpan jadi projek ladang rakyat

Kuala Krai: Sebanyak 1,000 hektar daripada kawasan hutan simpan di Kelantan yang sebelum ini diteroka secara haram diberikan untuk projek ladang rakyat bagi memulihkan kawasan itu melalui projek agropertanian.

Pengarah Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan, Abdul Khalim Abu Samah berkata, kerajaan negeri memperuntukkan keluasan itu sebagai permulaan kepada projek terbabit dan akan menyasarkan golongan asnaf sebagai peserta.

"Mana-mana kawasan sudah ditanam dengan durian atau getah, kita kekalkan sebab ia pokok berkayu dan menongkat, tapi saya wajibkan di celahnya ditanam dengan pokok hutan atau nadir.

"Kami keluarkan permit penggunaan dan sebagai permulaan, kerajaan negeri serahkan 1,000 hektar untuk pulihkan kawasan melalui projek agropertanian.

"Projek itu sudah dilancarkan tahun lalu, namun kami sedang mengenalpasti kawasan hutan simpan sesuai untuk dijalankan projek terbabit," katanya selepas merasmikan progran pemuliharaan laluan pendakian Taman Negeri Gunung Stong di sini, kelmarin.